135

SKT 2011 Staf Pentadbiran

Pendaftar - Prestasi

Penghantar pesanan ini telah meminta resit baca. Klik di sini untuk menghantar resit.

Telah Dihantar: 26 Mei 2011 15:02
Kepada: UUM - All Staff

SASARAN KERJA TAHUNAN 2011 STAF PENTADBIRAN

ASSALAMU'ALAIKUM & SALAM SEJAHTERA.

Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Sistem Penilaian Prestasi bagi tahun 2011 akan dibuka mulai **26 Mei 2011** bagi membolehkan semua staf mengisi Sasaran Kerja Tahunan yang telah ditetapkan pada awal tahun melalui perbincangan bersama Pegawai Penilai Pertama (PPP) masing-masing.

Sekiranya terdapat perubahan PPP atau PPK (Pegawai Penilai Kedua), mohon kerjasama semua Ketua Pusat Tanggungjawab (atau pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua PTJ) untuk mengemukakan senarai perubahan PPP dan PPK di PTJ masing-masing kepada Urusetia Penilaian Prestasi, Jabatan Pendaftar.

Sebarang pertanyaan sila kemukakan melalui emel prestasi@uum.edu.my atau sambungan 3086.

Kerjasama Y.Bhg Dato'/Datin/Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

URUSETIA PENILAIAN PRESTASI
JABATAN PENDAFTAR
TEL: 928 3086 FAKS: 928 3046
EMEL: prestasi@uum.edu.my